


Newspaper	Berita Harian
Date	11/8/2014



Salah satu daripada dua Proton Saga 1.5S pada majlis prapelancongan.



Prapelancongan siri jelajah Sagarama di seluruh Malaysia.



Pembeli pertama Proton Saga Super Value (SV), Mohd Faleeq Zainudin, 24, membayar deposit di Pusat Jualan dan Servis Proton Mutiara Damansara untuk pembelian kereta tersebut.

(FOTO HALIM MAT ALI)

# Detik sejarah kelahiran Proton Saga

(BH- 11/8/2014)

» Sumbang kejayaan dasar perindustrian automotif negara

**M**enjelang akhir bulan ini, seluruh rakyat Malaysia bakal menyambut detik kegemilangan negara dengan penuh rasa bangga.

Selepas 57 tahun meniti kemerdekaan, Malaysia mencatatkan pelbagai peristiwa manis yang menjadi kebanggaan kita semua, sekali gus menyumbang ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

Antara peristiwa manis yang sentiasa terpacat di hati rakyat Malaysia ialah pembangunan industri automotif negara dengan pengenalan model pertama kereta nasional, iaitu Proton Saga.

Jika diimbang sejarah kelahiran Proton Saga, iaitu nama yang diilhamkan oleh seorang anggota tentera, Ismail Jafaar, 29 tahun yang lalu, siapa sangka - Malaysia mampu menghasilkan keretanya sendiri.

Bermula dengan idea bekas Perdana Menteri yang kini adalah Pengerusi PROTON Holdings Berhad (PROTON), Tun Dr Mahathir Mohamad, selain dibantu sokongan teknikal dan kepakaran daripada Mitsubishi Corporation dan Mitsubishi Motor Corporation Japan ketika itu serta Per-

badanan Industri Berat Malaysia Berhad (HICOM), akhirnya syarikat berjaya mengeluarkan unit pertamanya, iaitu Proton Saga pada September 1985.

## Kelilingi negara

Detik kegemilangan bermula, apabila dua unit Proton Saga dibawa mengelilingi negara menerusi program promosi pemasaran yang dikenali sebagai "Sagarama". Ketika itu, ke mana sahaja Proton Saga dipamerkan, baik di bandar atau di kampung, masyarakat setempat berpusu-pusu keluar untuk melihatnya, sekali gus mendapat sambutan luar biasa.

Ketika model generasi pertama Proton Saga itu dilancarkan, ramai rakyat yang tidak pernah memiliki kereta, dapat memilikinya kerana harga yang ditawarkan amat berpatutan, sekitar RM20,000.

Dengan harganya yang mampu dimiliki oleh rakyat kebanyakan, disokong pula oleh prestasinya yang gemilang, Proton Saga muncul sebagai kereta yang paling popular di pasaran kereta penumpang Malaysia.

Berikutan sambutan begitu menggalakkan juga, tidak hairanlah pada ketika itu, pembeli terpaksa menunggu dua hingga tiga bulan untuk memilikinya.

Proton, yang pada awalnya menggunakan logo bulan sabit dan bintang berbucu 14 dengan hampir 80 peratus menggunakan acuan Mitsubishi, kini telah mam-

pu membentuk rekaan dan kenderaannya sendiri hasil anak Malaysia.

Pencapaian itu membanggakan dalam sektor kejuruteraan automotif yang jarang sekali berani diterokai sebuah negara Islam, dianggap satu anugerah kepada rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Pada masa sama, terbentuknya PROTON juga telah menyediakan peluang pekerjaan kepada anak Malaysia dan sekali gus menguji kepakaran kejuruteraan serta rekaan anak Malaysia.

Selaras dengan keperluan dan kehendak pelanggan, generasi pertama Proton Saga kini berevolusi dengan pengenalan Saga BLM pada tahun 2008 dan Saga SV pada tahun 2013.

Langkah itu juga dibuat sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan kereta mampu milik kepada rakyat Malaysia dengan menawarkan ruang yang baik dan mesra pengguna.

Pelbagai peningkatan teknologi dan keselamatan dilakukan bagi membolehkan model Proton Saga kekal berada pada tahap stabil dan memuaskan hati pelanggan seperti penambahbaikan ciri keselamatan tanpa mengenaikan sebarang kos tambahan.

Selain rekaan dalaman dan luaran yang menarik dan bergaya, dua generasi terbaharu Proton Saga terbahit menawarkan ciri tambahan, khususnya dari aspek keselesaan, kredibiliti dan keselamatan yang lebih baik.

Selain itu, kos penyelenggaraan rendah serta khidmat lepas jualan yang sentiasa dipertingkatkan menyebabkan ketiga-tiga generasi Proton Saga kekal memiliki pelanggan setia, selain turut berjaya menarik pembeli baharu.

Sebagai contoh, Proton Saga BLM mendapat tempat di hati pengguna berdasarkan kelebihan dimilikinya termasuk dari segi reka bentuk yang ringkas, pengalaman pemanduan yang dinamik, kemudahan yang praktikal, harga berpatutan dan kos

penggunaan yang rendah.

Proton Saga SV pula memberikan lebih nilai pada wang apabila ditawarkan dengan harga bermula pada RM33,438, sekali gus muncul sebagai kenderaan segmen B termurah di rantau ini.

## Diberi penarafan 3-bintang

Walaupun ditawarkan dengan pada harga yang lebih murah berbanding kenderaan lain, Proton Saga SV tetap diberikan penarafan 3-bintang oleh ASEAN New Car Assessment Program (NCAP) bersandarkan ciri yang ada padanya, termasuk mengutamakan keselamatan dengan pemasangan dua beg udara depan dan juga tali pinggang keselamatan 'pretensioner'.

Kemajuan PROTON setelah hampir tiga dekad beroperasi mencapai tahap sebagai pengeluar kereta nasional, mampu menyumbang kepada pembangunan industri pembuatan komponen kereta di Malaysia dan turut membuktikan kejayaan dasar perindustrian serta dasar automotif nasional.

Hakikatnya, dengan kerjasama dan komitmen padu yang diterima da-

ripada pengguna, rakan perniagaan, pemegang saham, agensi kerajaan dan kakitangan syarikat, PROTON berjaya merealisasikan impian negara untuk menjadi pengeluar kenderaan yang setaraf dengan syarikat asing.

Sejak pengeluaran pertamanya pada 1985, secara terkumpul lebih 1.5 juta unit Proton Saga berjaya dijual setakat ini.

Justeru, sempena menyambut hari kemerdekaan ke-57 ini, kita boleh katakan bahawa PROTON berjaya mencapai kejayaan ini hasil usahanya mengeluarkan produk berorientasikan pengguna dan menghasilkan kereta yang berdaya saing, inovatif serta mampu milik oleh rakyat Malaysia.

Sempena bulan kemerdekaan ini, bilik pameran PROTON juga menyediakan pelbagai tawaran hebat. Kunjungalah dan pandu uji model baharu Proton dan rasailah pemanduan kereta Proton hari ini.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke-57 Malaysia.

